

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan sebagaimana di bawah:-

1. **SKIM PERKHIDMATAN** : **JURUTEKNIK KOMPUTER**
KLASIFIKASI : **PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **SOKONGAN**
TARAF JAWATAN : **KONTRAK**
Jadual gaji/gred : **FT17**
P1 T1 RM843.06– P1 T26 RM2325.37
P2 T1 RM896.00– P2 T26 RM2452.46
P3 T1 RM950.45– P3 T26 RM2583.95
- KEKOSONGAN** : **1**

SYARAT LANTIKAN:

- 1) Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) i) Sijil Pelajaran Malaysia serta lulus subjek Teknologi Maklumat pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T1); atau
 - ii) Sijil dalam bidang Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T6); atau
 - iii) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Sistem Komputer .
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T3)
- (b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA MEMOHON:

1. Permohonan hendaklah menggunakan borang asal USTICT 01/03 yang boleh dimuat turun daripada portal rasmi Setiausaha Kerajaan Negeri Johor <http://www.johordt.gov.my/sukj/>
2. Borang-borang yang sempurna diisi hendaklah disertakan gambar berukuran pasport terkini dan juga **SALINAN PHOTOSTAT Sijil Beranak, Kad Pengenalan, Sijil berkaitan beserta salinan transkrip yang lengkap yang telah diakui salinan sah (Kumpulan A – Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan B – Kumpulan Sokongan 1) dan dicatatkan nama jawatan berkenaan di penjurua kiri atau setiap sampul surat.** [Sekiranya permohonan tidak disertakan syarat sepertimana yang di atas, pihak kami akan menolak permohonan tersebut).
3. Sijil perlu mendapat pengiktirafan kelayakan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui laman web interaktif JPA <http://www.interactive.jpa.gov.my/frmMainiktiraf.asp> dan melampirkan bersama borang permohonan.
4. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat (Tetap dan Kontrak) hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dan pastikan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Prestasi disertakan bersama.
5. Hanya calon-calon yang berkelayakan selepas ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. [Sekiranya permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas (3) tiga bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
6. **CALON YANG MEMPUNYAI DIPLOMA ATAU IJAZAH TIDAK PERLU MEMOHON. CALON YANG TIDAK MEMPUNYAI KELAYAKAN DALAM BIDANG YANG DINYATAKAN TIDAK PERLU MEMOHON. PERMOHONAN BERKAITAN TIDAK AKAN DILAYAN.**

Calon-calon dikehendaki menyatakan semua kelayakan yang ada semasa memohon apa jua jawatan yang diiklankan. Kelayakan tersebut hendaklah diisi di dalam borang USTICT 01/03

PERMOHONAN HENDAKLAH DIHANTAR KEAPDA:

**UNIT SAINS TEKNOLOGI DAN ICT NEGERI JOHOR,
ARAS 1, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD
KOTA ISKANDAR
79503 NUSAJAYA, JOHOR.**

SEBELUM ATAU PADA 18 NOVEMBER 2011